

UMS bantu kerajaan tangani isu keselamatan perairan negeri Sabah

# Tubuh Pusat Strategik, Keselamatan

UM 8.1.2014 26

Oleh ASSIM HASSAN  
utusanabah@utusan.com.my

**KOTA KINABALU** 7 Jan. - Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menubuhkan Pusat Strategik dan Keselamatan Sabah selewat-lewatnya akhir bulan ini yang berperanan sebagai makmal kajian dan penyelidikan dalam membantu kerajaan menangani isu-isu keselamatan perairan negeri.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah berkata, makmal itu juga sebagai platform kepada semua jenis hasil penyelidikan strategik dan keselamatan ditempatkan dalam satu pusat.

“Penubuhan pusat itu kini di peringkat akhir yang mana masih menunggu sokongan Lembaga Pengurusan Universiti (LPU) yang akan bermesyuarat bulan ini.

“Sebaik sahaja disokong, saya yakin pusat ini dapat ditubuhkan dalam bulan ini juga,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Sambutan 20 Tahun Penubuhan UMS di sini baru-baru ini.

Ditanya sama ada pihak universiti mendapat geran daripada kerajaan, Mohd. Harun berkata, setakat ini tiada sebarang geran mahupun peruntukan bagi penubuhan pusat itu.

Jelas beliau, UMS akan menga-

gihkan peruntukan yang berpatutan dan mengikut kemampuan universiti bagi sesuatu penyelidikan.

Beliau turut memberitahu, pihaknya masih belum boleh mendedahkan intipati atau resolusi mesyuarat antara UMS dengan Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM) yang diadakan baru-baru ini.

“Apa yang sedang dilakukan adalah memperhalusi borang kaji selidik agar maklumat yang dikehendaki menepati dan mencapai sasaran,” katanya.

Selain itu, Mohd. Harun berkata, sebarang penyelidikan terutama di perairan pantai Sabah perlu memahami dan menitikberatkan sosiobudaya, ekonomi serta masyarakat tempatan.

Katanya, para penyelidik tidak boleh mengambil tindakan sewenang-wenangnya kerana dikhuatiri memberi kesan negatif berbanding positif.

Dalam perkembangan lain, beliau memaklumkan mengenai penubuhan menara jam yang akan menjadi mercu tanda UMS di bulatan pintu masuk utama universiti berkenaan.

Katanya, UMS merupakan universiti pertama di negara ini yang mempunyai menara jam sebagai mercu tanda dan dijangka siap sekitar Jun tahun ini.



**MOHD. Harun Abdullah (tengah) bersama kakitangan UMS berbasikal sempena Majlis Pelancaran Sambutan 20 Tahun Penubuhan UMS di Kota Kinabalu, baru-baru ini.**